

07/03/2004

`Jangan sabotaj calon jika mahu kemenangan'

Norbakti Alias

ALOR STAR: Penasihat Pilihan Raya Negeri Kedah, Tun Dr Mahathir Mohamad mengingatkan semua anggota parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri ini supaya tidak mensabotaj calon yang dipilih pucuk pimpinan bagi menjamin kemenangan pada pilihan raya umum ke-11, 21 Mac ini.

Bekas Perdana Menteri itu berkata perbuatan terbabit dianggap sebagai satu pengkhianatan kepada parti yang menyebabkan berlakunya perpecahan sehingga membolehkan parti pembangkang memperoleh kemenangan.

"Sekiranya ada pertelingkahan pasal calon, akan berlaku perpecahan yang memberi kesan kepada parti," katanya pada majlis perjumpaan bersama jentera kerja pilihan raya BN Kedah di Bangunan Tunku di sini, semalam.

Turut dihadiri isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir serta pemimpin parti komponen negeri.

Beliau juga meminta ahli Umno mengetepikan sikap pentingkan diri sendiri bagi mengukuhkan parti dalam menghadapi pilihan raya umum ini.

Katanya, sokongan dan rasa sayang kepada Umno termasuk di Kelantan menunjukkan parti itu masih kuat tetapi masalah dalaman parti termasuk perbuatan mencantas sesama sendiri, menjejaskan keutuhannya.

"Ada ahli yang merebut peluang menjadi calon dan jika tak dapat dia akan sabotaj...merajuk dan tarik penyokong. Tutup bilik gerakan dan minta penyokong jangan undi...ini saya anggap satu pengkhianatan," katanya yang juga penasihat jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) Kedah.

Sambil merujuk kes bekas Ketua Umno Bahagian Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali yang dikatakan kecewa dengan penggugurannya, akan menentang BN pada pilihan raya akan datang sambil Pas dikatakan memberi laluan kepadanya, Dr Mahathir berkata perkara itu juga boleh terjadi di bahagian lain termasuk Kedah.

"Kita bila jadi calon mahu orang sokong tapi bila tak dapat, tak nak sokong sedangkan kita berjuang bukan untuk orang itu tetapi parti," katanya.

Dr Mahathir berkata, perkara sama pernah berlaku di Baling dulu apabila dua ahli Umno enggan memberikan kerjasama antara satu sama lain dalam dua pilihan raya yang mereka dicalonkan, menyebabkan Pas mendapat keuntungan.

Sebaliknya, beliau meminta ahli akur dengan keputusan pucuk pimpinan dan menerima calon yang dilantik.

Malah, katanya, ada yang mempersoalkan mengapa diletakkan calon bukan Melayu dalam kawasan yang majoritinya Melayu.

"Kita harus buat ketetapan tidak persoal siapa calon asalkan dari BN kerana itu lebih penting," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau mendapat pengalaman berharga ketika bertanding pada kerusi Parlimen Kota Setar Selatan pada 1969 apabila mengharapkan sokongan daripada 30,000 orang Melayu daripada 35,000 pengundi di situ.

"Tapi setengah daripada pengundi Melayu berikan undi kepada Yusof Rawa (Pas) dan baki 5,000 pengundi Cina yang marahkan saya, pilih Yusof.

"Ketika itu, saya fikir Cina tak sokong pun saya boleh menang...Sebab itu jangan fikir majoriti Melayu kita boleh menang," katanya.

Sementara itu, katanya, beliau mahu berkempen untuk kejayaan parti kerana terhutang budi kepada ahli dan penyokong dalam kawasannya yang bekerja keras untuk membolehkannya menang di Parlimen Kubang Pasu.

"Kini, orang lain akan bertanding dan seperti sokongannya selama ini, saya mahu membalas budi," katanya.